

FAQ Penguatkuasaan Fasa Kedua Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 [Akta 775]

1. Siapakah yang boleh mendaftar di bawah Majlis PT&K?

Pengamal PT&K yang mengamal dalam bidang amalan diiktiraf sahaja dibenarkan berdaftar di bawah Majlis PT&K

2. Apakah bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775?

- a. Perubatan Tradisional Melayu
- b. Perubatan Tradisional Cina
- c. Perubatan Tradisional India
- d. Homeopati
- e. Osteopati
- f. Kiropraktik
- g. Pengubatan Islam

3. Bilakah pendaftaran pengamal PT&K akan bermula?

Penerimaan permohonan pendaftaran pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf akan bermula pada **15 Mac 2021**. Sila layari laman web rasmi Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) <http://tcm.moh.gov.my/> untuk maklumat lanjut.

4. Apakah yang dimaksudkan tempoh peralihan (yang berkaitan dengan fasa kedua penguatkuasaan Akta 775)?

Tempoh peralihan untuk tujuan pendaftaran pengamal adalah tempoh masa yang ditetapkan untuk membenarkan pengamal yang dikategorikan sebagai golongan 'grandfathering' iaitu pengamal tanpa kelayakan asas yang diiktiraf tetapi berkemahiran dan berpengalaman dalam sesuatu bidang amalan yang diiktiraf, untuk berdaftar dengan Majlis PT&K mengikut keperluan yang dinyatakan.

Tempoh peralihan merujuk kepada subperaturan 1 (3) Peraturan-Peraturan PT&K 2021 iaitu dari **1 Mac 2021 hingga 29 Februari 2024**.

5. Bagaimanakah proses pendaftaran ini akan dijalankan?

Pendaftaran hanya akan dilaksanakan bagi bidang amalan yang diiktiraf dan akan dilakukan secara berperingkat mengikut zon dan ketetapan seperti berikut:

No.	Zon	Negeri	Tarikh Pelaksanaan
1.	Tengah	WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan	15 Mac 2021 – 14 Jun 2021
2.	Utara	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak	15 Jun 2021 – 14 September 2021
3.	Selatan	Johor, Melaka	15 September 2021 – 14 Disember 2021
4.	Timur	Kelantan, Terengganu, Pahang	15 Disember 2021- 14 Mac 2022
5.	Sabah & Sarawak	Sabah, Sarawak, WP Labuan	15 Mac 2022 – 14 Jun 2022

Garis panduan pendaftaran pengamal PT&K tempatan mengikut bidang amalan yang diiktiraf dan borang permohonan boleh dimuat turun daripada laman web rasmi BPTK. Permohonan lengkap perlu dihantar **melalui pos** mengikut tarikh pelaksanaan zon yang berkaitan (sila rujuk <http://tcm.moh.gov.my>).

6. Adakah permohonan pendaftaran pengamal PT&K akan ditolak sekiranya permohonan tidak dihantar mengikut tarikh pelaksanaan yang ditetapkan?

Permohonan yang lengkap tidak akan ditolak namun permohonan tersebut tidak akan diproses sehingga tarikh pelaksanaan zon tersebut dimulakan.

7. Sekiranya alamat rumah saya di Zon 5 tetapi tempat mengamal di Zon 1, apakah tarikh pelaksanaan yang perlu saya ikut?

Tarikh pelaksanaan pendaftaran adalah berdasarkan alamat tempat mengamal. Namun, sekiranya pengamal tiada tempat mengamal yang tetap (pengamal bebas/ *freelance*), tarikh pelaksanaan pendaftaran adalah berdasarkan alamat rumah/ alamat di dokumen pengenalan.

8. Bolehkah dokumen permohonan pendaftaran pengamal PT&K diserahkan secara langsung di kaunter pendaftaran Cawangan Majlis PT&K?

Semua permohonan pendaftaran hendaklah dihantar melalui pos sehingga suatu tarikh yang dimaklumkan kelak. Ini bertujuan untuk mematuhi SOP semasa pandemik Covid-19.

9. Apakah borang pendaftaran yang perlu dihantar untuk pengamal PT&K tempatan?

Sila rujuk Permohonan Pengamal PT&K Tempatan

10. Apakah borang pendaftaran yang perlu dihantar untuk pengamal warga asing?

Sila rujuk Permohonan Pengamal PT&K Warga Asing

11. Saya berdaftar di bawah Persatuan XXX, adakah saya layak untuk Permohonan Pengecualian Pendaftaran Sementara dan boleh terus membuat Permohonan Untuk Pengamal Berdaftar?

Pengamal yang berdaftar dengan salah satu daripada Badan Pengamal Sebelum Permulaan Kuat Kuasa Akta (Sebelum 1 Ogos 2016) sahaja yang dibenarkan untuk dikecualikan daripada Permohonan Pengecualian Pendaftaran Sementara dan terus membuat Permohonan Untuk Pengamal Berdaftar. Sekiranya anda tidak berdaftar dengan salah satu daripada lapan badan pengamal tersebut sebelum 1 Ogos 2016, anda perlu membuat Permohonan Pengecualian Pendaftaran Sementara dan seterusnya perlu membuat Permohonan Untuk Pengamal Berdaftar.

Senarai Badan Pengamal Sebelum Permulaan Kuat Kuasa Akta 775 adalah seperti berikut:

Bidang Amalan	Badan Pengamal
Perubatan tradisional Melayu	Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia
Perubatan tradisional Cina	Persatuan Tabib Tionghua Malaysia
	Persekutuan Persatuan Tabib dan Pedagang Ubat Tionghua Malaysia
	Persekutuan Persatuan Tabib Perubatan Tradisional Cina dan Akupunktur Malaysia
Perubatan tradisional India	Pertubuhan Perubatan Tradisional India, Malaysia
Homeopati	Majlis Perubatan Homeopati Malaysia
Kiropraktik dan Osteopati	Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia
Pengubatan Islam	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia

12. Apakah itu Kursus Pembangunan Kapasiti?

Sila rujuk FAQ Kursus Pembangunan Kapasiti.

13. Siapakah yang perlu melalui Kursus Pembangunan Kapasiti?

Pengamal yang tidak mempunyai kelayakan diiktiraf dalam Perubatan Tradisional Melayu/Cina/India atau Homeopati yang berumur kurang daripada 50 tahun perlu menjalani Kursus Pembangunan Kapasiti sebagai salah satu kriteria untuk berdaftar dengan Majlis PT&K dalam tempoh peralihan (sila rujuk Garis Panduan Pendaftaran Pengamal PT&K Tempatan untuk bidang amalan yang berkaitan untuk maklumat lebih lanjut).

14. Adakah saya masih boleh mengamal sekiranya saya belum berdaftar?

Anda masih boleh mengamal dan terus memberikan perkhidmatan secara selamat dan beretika sehingga akhir tempoh peralihan iaitu 29 Februari 2024. Implementasi penuh Akta PT&K 2016 akan dijalankan pada fasa ketiga penguatkuasaan akta ini.

15. Bolehkan saya berdaftar dalam lebih daripada satu bidang amalan diiktiraf?

Anda dibenarkan membuat permohonan pendaftaran untuk lebih daripada satu bidang amalan diiktiraf sekiranya anda memenuhi kriteria pendaftaran seperti yang dijelaskan dalam Garis Panduan Pendaftaran Pengamal PT&K Tempatan untuk bidang amalan diiktiraf yang berkaitan. Anda juga perlu membuat bayaran fi yang berkaitan untuk setiap permohonan yang dibuat.

16. Adakah saya masih boleh mengamal bidang amalan yang tidak termasuk dalam bidang amalan diiktiraf?

Pada ketika ini, anda masih boleh mengamal dalam bidang amalan yang belum diiktiraf secara beretika serta memastikan segala perkhidmatan yang diberikan adalah selamat dan tidak memudaratkan pesakit.

17. Bagaimanakah untuk mengetahui sama ada saya perlu menghadiri Kursus Pembangunan Kapasiti?

Bagi pemohon yang perlu menghadiri Kursus Pembangunan Kapasiti, anda akan dimaklumkan melalui emel atau surat. Anda dikehendaki menghantar Bukti Kehadiran Kursus Pembangunan Kapasiti selepas selesai menjalani kursus tersebut kepada Pendaftar, Majlis PT&K melalui pos.

18. *Saya pernah menghantar permohonan pendaftaran secara sukarela dengan BPTK sebelum penguatkuasaan Akta 775. Perlukah saya menghantar kembali permohonan pendaftaran sekarang?*

Permohonan pendaftaran secara sukarela yang dihantar kepada BPTK sebelum 1 Ogos 2016 TIDAK DIANGGAP sebagai permohonan yang sah untuk berdaftar dengan Majlis PT&K. Oleh itu, anda perlu menghantar kesemua dokumen yang disenaraikan di laman web kami untuk tujuan pendaftaran di bawah Majlis PT&K. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.